

UOBM PERKHIDMATAN AUTOPAY BILL

TERMA & SYARAT

Terma dan syarat ini akan diguna pakai untuk Perkhidmatan AutoPay Bill ("Perkhidmatan") United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (271809-K) ("UOBM") dan mesti dibaca bersama dengan Perjanjian Kad Kredit Visa / MasterCard UOB ("Perjanjian Ahli Kad").

Jika terdapat sebarang percanggahan atau ketidaksejajaran di antara terma dan syarat ini dengan Perjanjian Ahli Kad, terma dan syarat ini akan dikekalkan dan diguna pakai untuk Perkhidmatan. Melainkan terdapat percanggahan maksud untuk perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam terma dan syarat ini, perkataan dan ungkapan yang digunakan akan mempunyai makna yang sama seperti dalam Perjanjian Ahli Kad.

1. Perkhidmatan adalah dibuka kepada semua Ahli Kad Kredit UOBM prinsipal yang baru dan sedia ada ("Ahli Kad").
2. Ahli Kad yang memiliki akaun Kad Kredit UOBM yang terkini dan berada dalam kedudukan yang baik dengan Had Kredit yang mencukupi layak untuk memohon untuk Perkhidmatan ini.
3. Apabila Ahli Kad memohon untuk Perkhidmatan ini, Ahli Kad dianggap sebagai telah menerima Terma dan Syarat yang ditetapkan.
4. Ahli Kad boleh memohon Perkhidmatan ini dengan melengkapkan dan menghantar borang dalam talian di www.uob.com.my.
5. Ahli Kad mesti menyediakan butiran maklumat akaun dengan Pembekal Perkhidmatan ("Pembekal Perkhidmatan") di dalam borang permohonan Perkhidmatan atas talian.
6. Untuk akaun telekomunikasi yang tidak didaftar bawah nama Ahli Kad, pemegang akaun tersebut dikehendaki menyediakan surat kuasa yang memberikan kuasa kepada Ahli Kad untuk memohon Perkhidmatan bagi pihak akaun tersebut, salinan kad pengenalan atau passport pemegang akaun, bergantung pada mana yang berkenaan, dan salinan penyata akaun yang terkini.
7. UOBM tidak akan menanggung sebarang liabiliti kepada Ahli Kad jika terdapat sebarang caj-caj, kehilangan, kerosakan atau sebarang liabiliti atas apa jua sebab sekalipun yang dialami Ahli Kad disebabkan kelewatan atau kegagalan pihak UOBM untuk meluluskan permohonan Perkhidmatan ini.
8. UOBM berhak, atas budi bicara mutlaknyanya, untuk meluluskan atau menolak permohonan yang diserahkan tanpa memberi sebarang sebab serta menghadkan jumlah yang dibenarkan untuk dipindah dibawah Perkhidmatan ini.
9. Setelah permohonan Perkhidmatan Ahli Kad diluluskan oleh UOBM, semua amaun yang terhutang dan perlu dibayar kepada Pembekal Perkhidmatan ("Caj") dan/atau terhutang kepada Pembekal Perkhidmatan yang dinyatakan oleh Pemegang Kad di dalam permohonan ini ("Pembekal Perkhidmatan"), akan didebitkan daripada Akaun Kad Kredit Ahli Kad yang dikekalkan dengan UOBM ("Akaun Kad Kredit").
10. Pengaktifan transaksi autodebit yang pertama ("Tarikh Pengaktifan") memerlukan sekurang-kurangnya dua (2) bulan daripada tarikh permohonan Perkhidmatan ini. Walaupun UOBM akan cuba sedaya upaya untuk menuntut bayaran untuk Caj (-caj) tersebut, UOBM tidak bertanggungjawab untuk membuat pembayaran tersebut sepanjang masa ataupun pada tempoh masa yang ditetapkan.
11. UOBM tidak akan menanggung sebarang liabiliti jika terdapat kesilapan, kecuaiian, penafian atau pengecualian untuk membuat atau penangguhan sebarang atau semua bayaran Caj (-caj) kepada Pembekal Perkhidmatan. UOBM juga tidak bertanggungjawab untuk sebarang tindakan, kelewatan atau pengecualian oleh Pembekal Perkhidmatan sepanjang tempoh penggunaan Perkhidmatan Ini.

12. Semua Ahli Kad yang mendaftar untuk Perkhidmatan ini mesti memerhati baki had kredit yang ada pada Akaun Kad Kredit mereka dan memastikan Akaun Kad Kredit yang dikekalkan dengan UOBM dikendalikan oleh Ahli Kad dari semasa ke semasa dan dalam keadaan yang memuaskan.
13. Sekiranya Akaun Kad Kredit tidak mempunyai baki yang mencukupi, Ahli Kad bertanggungjawab untuk membayar Caj(-caj) secara langsung kepada Pembekal Perkhidmatan. UOBM tidak bertanggungjawab untuk memaklumkan Ahli Kad berkenaan ketiadaan bayaran untuk semua atau mana-mana Caj(-caj) kepada Pembekal Perkhidmatan.
14. Apabila Akaun Kad Kredit Ahli Kad tidak mempunyai had kredit yang mencukupi, UOBM berhak, atas budi bicara mutlak, tanpa memberi sebarang notis kepada Ahli Kad untuk:
 - (i) Memilih untuk tidak membayar Caj(-caj) kepada mana-mana atau semua Pembekal Perkhidmatan, di mana Ahli Kad bertanggungjawab untuk membayar baki bayaran tertunggak kepada Pembekal Perkhidmatan; atau
 - (ii) Menentukan aturan keutamaan bayaran untuk Caj(-caj) yang UOBM rasakan perlu atas budi bicara mutlak, di mana Ahli Kad bertanggungjawab untuk membayar Caj(-caj) yang tertunggak kepada Pembekal Perkhidmatan yang berkenaan.
15. Bayaran kepada Tenaga Nasional Berhad adalah tertakluk kepada amaun bil bulanan yang tidak melebihi RM5,000 untuk setiap Ahli Kad.
16. Jika Akaun Kad Kredit Ahli Kad dihentikan tanpa ditamatkan atau dibatalkan sebelum pembayaran Caj(-caj) kepada Pembekal Perkhidmatan yang ditetapkan, UOBM akan menghentikan semua pembayaran Caj (-caj) kepada Pembekal Perkhidmatan. Dalam keadaan sedemikian, Ahli Kad bertanggungjawab untuk membayar semua Caj yang perlu dibayar kepada Pembekal Perkhidmatan secara langsung dan UOBM tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang ganti rugi atau kerugian yang disebabkan oleh keadaan sedemikian.
17. Apabila penggantungan Kad Kredit Ahli Kad telah dibatalkan dan telah beroperasi dengan sepenuhnya, Ahli Kad mesti memberi surat bertulis kepada UOBM untuk menyambung Perkhidmatan ini. Selepas menerima surat bertulis ini, UOBM, atas budi bicara mutlak, berhak untuk mengaktifkan pembayaran Caj(-caj) seterusnya kepada Pembekal Perkhidmatan.
18. Jika Kad Kredit Ahli Kad telah ditamatkan, ditarik balik, dibatalkan atau dihentikan oleh UOBM untuk sebarang sebab yang mungkin, UOBM akan menghentikan semua pembayaran Caj (-caj) kepada Pembekal Perkhidmatan. Selepas itu, Perkhidmatan ini dan kewajipan UOBM untuk membuat pembayaran Caj (-caj) kepada Pembekal Perkhidmatan akan dihentikan secara automatik. Ahli Kad akan bertanggungjawab sepenuhnya untuk membayar Caj-Caj yang perlu dibayar kepada Pembekal Perkhidmatan secara langsung dan UOBM tidak akan menanggung sebarang liabiliti untuk ganti rugi dan kerugian yang timbul seterusnya akibat peristiwa tersebut
19. Sekiranya Kad Kredit Ahli Kad dinaiktarafkan, dituruntaraskan atau ditukarganti dengan nombor kad yang berlainan, hanya Perkhidmatan pembayaran caj (-caj) kepada Pembekal Perkhidmatan dinyatakan dibawah sahaja akan dipindahkan secara automatic ke Kad Kredit yang dinaiktarafkan/dituruntaraskan/ditukarganti dan didebitkan daripada Akaun Kad Kredit Ahli Kad tanpa rujukan lanjutan pada Ahli Kad:-
 - (i) Telekom Malaysia
 - (ii) Tenaga Nasional Berhad

Untuk Pembekal Perkhidmatan yang lain, Ahli Kad bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan pembayaran Caj(-caj) dan memaklumkan UOBM untuk meneruskan Perkhidmatan dan bayaran kepada Pembekal Perkhidmatan yang berkenaan untuk Kad Kredit yang baru.

20. Ahli Kad bertanggungjawab untuk memaklumkan Pembekal Perkhidmatan atas kadar segera sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada nombor Kad Kredit. UOBM tidak akan bertanggungjawab sekiranya Pembekal Perkhidmatan tidak menerima notis untuk perubahan tersebut daripada Ahli Kad yang mungkin menyebabkan ketiadaan bayaran Caj(-caj) untuk Perkhidmatan ini.
21. Ahli Kad bertanggungjawab sepenuhnya untuk memaklumkan Pembekal Perkhidmatan yang terlibat mengenai pembatalan arahan pembayaran oleh Ahli Kad sebelum membuat sebarang pembayaran Caj kepada Pembekal Perkhidmatan. UOBM tidak bertanggungjawab atas sebarang ganti rugi atau kerugian yang disebabkan oleh kelewatan Ahli Kad untuk memaklumkan Pembekal Perkhidmatan yang terlibat mengenai pembatalan pembayaran ini dan jika sebarang Caj didebitkan oleh UOBM daripada Akaun Kad Kredit Ahli Kad, ia akan ditanggung oleh Ahli Kad.
22. Tanpa mengambil kira sebarang tindakan atau pengecualian pembayaran Caj (-caj) yang terlebih atau kurang oleh UOBM kepada Pembekal Perkhidmatan yang terlibat, Caj (-caj) ini akan didebitkan daripada Akaun Kad Kredit Ahli Kad oleh UOBM dan akan ditanggung oleh Ahli Kad.
23. UOBM tidak akan bertanggungjawab atas sebarang tindakan, pembatalan, kecacatan atau kekurangan dalam Perkhidmatan Ini atau atas kekurangan pembayaran caj atau sebarang amaun caj yang terlebih bayar kepada Pembekal Perkhidmatan yang terlibat. Sekiranya Ahli Kad mempertikaikan tindakan, pengecualian, kecacatan atau ketidaksempurnaan Perkhidmatan ini, Ahli Kad haruslah menyelesaikan pertikaian ini dengan Pembekal Perkhidmatan yang terlibat.
24. Ahli Kad tidak boleh, atas sebarang sebab pun, menanggung bayaran yang tertunggak kepada UOBM untuk sebarang amaun yang telah didebitkan dari Akaun Kad Kredit Ahli Kad untuk bayaran Caj(-caj) terhadap Pembekal Perkhidmatan.
25. Tanpa mengambil kira sebarang pertikaian sama ada telah atau belum diselesaikan antara Ahli Kad dan Pembekal Perkhidmatan yang terlibat, Caj (-caj) yang telah didebitkan oleh UOBM ke Akaun Kad Kredit Ahli Kad dianggap muktamad dan ditanggung oleh Ahli Kad dan Ahli Kad tidak berhak untuk menuntut Caj (-caj) yang dipertikaikan antara Ahli Kad dan Pembekal Perkhidmatan daripada UOBM.
26. Tertakluk kepada Klausula 29, sekiranya Pembekal Perkhidmatan yang terkandung di sini berhenti menyertai Perkhidmatan ini atau Ahli Kad ingin membatalkan Perkhidmatan ini ("Pembatalan"), mana-mana pihak yang ingin membuat pembatalan Perkhidmatan ini bertanggungjawab untuk memaklumkan pihak yang terlibat. Sebarang Pembatalan Perkhidmatan ini tidak akan membatalkan Perjanjian Pemegang Kad Visa/MasterCard UOBM antara UOBM dan Ahli Kad.
27. Sekiranya Ahli Kad meninggal dunia atau muflis, Terma dan Syarat untuk Caj (-caj) yang dibayar kepada Pembekal Perkhidmatan yang terlibat akan kekal dan berkuatkuasa sehingga UOBM menerima notis sah mengenai peninggalan atau kemuflihan Ahli Kad. Tanpa prejudis kepada Klausula 29 yang terkandung di sini, Perkhidmatan ini akan ditamatkan dan dibatalkan setelah menerima notis penamatan ("Penamatan") tersebut
28. Perkhidmatan ini adalah sah selagi UOBM tidak menerima apa-apa notis Pembatalan daripada Pembekal Perkhidmatan atau Ahli Kad atau notis Penamatan mengenai peninggalan atau kemuflihan Ahli Kad. Jika Perkhidmatan Ini dibatalkan berdasarkan Klausula 27 atau ditamatkan berdasarkan Klausula 28 sebelum penghabisan dua belas (12) bulan ("Tempoh Perkhidmatan Minimum") dari Tarikh Pengaktifan, UOBM, atas budi bicara mutlaknyanya, akan menandatangani caj perkhidmatan sebanyak RM30 daripada Akaun Kad Kredit Ahli Kad untuk setiap satu Perkhidmatan kepada Pembekal (-pembekal) Perkhidmatan berkenaan yang dihentikan atau dibatalkan. Selepas itu, Perkhidmatan Ini dan kewajipan UOBM untuk membuat pembayaran Caj (-caj) kepada Pembekal Perkhidmatan akan ditamatkan.
29. Ahli Kad dengan nyatanya memberi kebenaran dan hak kepada UOBM untuk mendedahkan atau memberi maklumat-maklumat Ahli Kad kepada Pembekal Perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ahli

Kad dan tiada kebenaran selanjutnya dari Ahli Kad diperlukan dan UOBM tidak menanggung sebarang liabiliti dalam pendedahan maklumat tersebut.

30. Penyedia Perkhidmatan juga boleh melaksanakan terma dan syarat masing-masing untuk perkhidmatan auto-membayarannya, dan terma dan syarat-syarat tersebut akan dikenakan dan mengikat Ahli Kad
31. Pembekal Perkhidmatan yang terkandung di sini boleh mengenakan Terma dan Syarat yang tersendiri untuk Perkhidmatan AutoPay dan Terma dan Syarat tersebut akan digunapakai (dengan perubahan jika ada) dengan notis terdahulu sebanyak 21 hari.
32. Ganjaran UNIRinggit atau rebat Smart\$ tidak akan diberikan di bawah Perkhidmatan ini.
33. UOBM berhak pada bila-bila masa untuk menambah, memadam, menggantung atau mengubah Terma dan Syarat, secara keseluruhan atau sebahagiannya mengikut budi bicara mutlaknya dengan cara menyiarkannya di laman web UOBM atau dengan cara lain yang dianggap sesuai oleh UOBM dengan notis terdahulu sebanyak (21) hari. Ahli Kad bersetuju untuk mengakses laman web pada selang masa yang tetap untuk melihat Terma dan Syarat dan untuk memastikan bahawa mereka sentiasa dikemas kini dengan sebarang perubahan dan variasi kepada Terma dan Syarat.
34. Terma dan syarat ini ditadbir dan ditafsir selaras dengan undang-undang Malaysia dan Ahli Kad bersetuju untuk patuh kepada bidang kuasa Mahkamah undang-undang Malaysia.